



SIARAN MEDIA

ANUGERAH KECEMERLANGAN MENTERI KPKT 2023 IKTIRAF PRESTASI BERKUALITI TINGGI DAN KECEMERLANGAN ‘PASUKAN’ KPKT

KUALA LUMPUR, 11 November 2023 – Timbalan Perdana Menteri II, YAB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof telah menyempurnakan **Majlis Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 (AKM 2023)** bertemakan “**Kemuncak Kecemerlangan**” yang berlangsung di Hotel The St. Regis, Kuala Lumpur pada malam ini. Majlis turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM).

Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023 (AKM 2023) ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menghargai sumbangan, kecemerlangan dan kejayaan warga KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mengharumkan nama KPKT. Ia turut mendapat sokongan dan kerjasama dari rakan strategik utama iaitu Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) dalam menjayakan penganjuran majlis ini.

Penganjuran AKM 2023 ini merupakan **hasil cetusan idea YB KM dan julung kali diadakan pada tahun ini**. Ia bertujuan memantapkan tahap motivasi seluruh pasukan KPKT agar lebih cemerlang dalam aspek pelaksanaan tugas, kepimpinan, inovasi dan sosial. Ini selari dengan **usaha pemerkasaan penyampaian perkhidmatan KPKT yang terus menjadi fokus utama Kementerian** dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Ia turut membawa simbolik **slogan KPKT** iaitu “**stronger together**”, “**unity in diversity**” dan “**demi pertiwi**” serta melalui **kepimpinan cemerlang dan berkualiti** dalam melaksanakan dasar-dasar Malaysia MADANI.

Sebanyak **12 kategori AKM 2023** dipertandingkan merangkumi lapan **(8) anugerah bagi kategori individu** iaitu;

1. Anugerah Keunggulan Menteri;
2. Anugerah Berlian KPKT;
3. Anugerah Kepimpinan Terbaik;
4. Anugerah Kepimpinan Berinspirasi;
5. Anugerah Pemimpin Harapan;
6. Anugerah Personaliti Unggul;
7. Anugerah Hati Emas; dan
8. Anugerah Kepimpinan PBT Terbaik.

Manakala **empat (4) anugerah bagi kategori berpasukan** pula ialah;

1. Anugerah Hijau KPKT;
2. Anugerah Organisasi Sejahtera;
3. Anugerah Organisasi Paling Responsif; dan
4. Anugerah PBT Cemerlang.

Penerima anugerah akan diberikan penghargaan dan ganjaran dalam bentuk hadiah wang tunai bernilai sehingga RM20,000 (tertakluk kepada kategori), sijil penghargaan, trofi dan kursus jangka pendek di universiti ternama di luar negara bagi kategori terpilih.

Melalui AKM 2023 ini juga, Kementerian turut **mengiktiraf sumbangan PBT** yang komited dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan khususnya kepada masyarakat setempat. Oleh itu, anugerah ini juga ditujukan kepada semua PBT yang menunjukkan prestasi daya kerja cemerlang, progresif, berdaya maju dan dinamik dalam melonjakkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan untuk membangunkan lokaliti masing-masing.

YB KM berkata, “Penganjuran **Anugerah Kecemerlangan Menteri KPKT 2023** yang berprestij ini diharap dapat memberi inspirasi kepada pasukan KPKT untuk sentiasa membudayakan semangat daya saing agar terus komited melaksanakan pembaharuan dalam melestarikan perkhidmatan yang cemerlang.”

Turut hadir dalam majlis tersebut YBhg. Datuk Wira M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha KPKT; Tuan Muhammad Razman bin Abu Samah, Timbalan Ketua

Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT; YBrs. Tuan Haji Suhaimi bin Ali@Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti) KPKT; YBhg. Datuk Saidatu Akhma binti Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutaran Mampan) KPKT; YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), Pengurusan Tertinggi KPKT, ketua jabatan serta wakil-wakil PBT.

#MalaysiaMADANI

#StrongerTogether

#DemiPertiwi

#UnityInDiversity

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5551 Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

